



**BORANG PERAKUAN KENDIRI (SELF ASSESSMENT) DARIPADA PIHAK
MAJIKAN / PEMILIK PREMIS BAGI KEDIAMAN RUMAH KAMPUNG /
KAWASAN PERTANIAN DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS
DAERAH TANGKAK UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI PENGINAPAN PEKERJA
SECARA SEMENTARA BAGI PERMOHONAN SURAT SOKONGAN BAGI
PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA DI BAWAH SEKSYEN 24D AKTA
STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PENGINAPAN
PEKERJA (PINDAAN 2019)(AKTA 446).**

Tuan Yang Dipertua
Majlis Daerah Tangkak

Tarikh :
Rujukan :

Tuan,

**PERAKUAN KENDIRI (SELF ASSESSMENT) DARIPADA TETUAN SYARIKAT /
PEMILIK BANGUNAN
TERHADAP CADANGAN SEBUAH RUMAH DI ATAS LOT
MUKIM DAERAH TANGKAK JOHOR DARUL TAZIM SEBAGAI
PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan surat permohonan daripada syarikat ini bertarikh no. rujukan adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan, saya No Kad Pengenalan..... sebagai Pengarah/ Wakil Syarikat No. Pendaftaran Syarikat..... ingin menyatakan satu permohonan menggunakan unit kediamaan seperti di alamat sebagai penginapan pekerja sementara bagi tempoh selama dua (2) tahun bermula pada hingga telah dikemukakan kepada pihak tuan.

3. Tanpa prejudis, sebagai memenuhi keperluan dalam permohonan ini, saya ingin membuat Perakuan Kendiri (self assessment) mewakili Tetuan selepas ini tidak akan membuat apa-apa tuntutan atau tindakan perundangan kepada Majlis Daerah Tangkak dan mana-mana agensi Kerajaan berkaitan dan saya memahami sepenuhnya dan bertanggungjawab untuk mematuhi dan

memastikan keperluan berikut dipatuhi dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan dan kemungkinan :

- (i) Saya memahami rumah ini adalah rumah kampung yang tidak ada sebarang kelulusan dan persetujuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan tidak ada Certificate of Completion and Compliance (CCC);
- (ii) Saya Akan Mematuhi Segala Keperluan Di Bawah Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Penginapan Pekerja (Pindaan 2019)(Akta 446);
- (iii) Saya dengan selagi usaha akan memastikan keperluan keselamatan dan pencegahan kebakaran diadakan bagi unit ini;
- (iv) Memastikan tidak ada sebarang aktiviti atau membawa alat mudah terbakar di dalam unit yang boleh menimbulkan risiko kemalangan dan kebakaran;
- (v) Setiap penghuni akan memastikan semua punca elektrik dimatikan selepas digunakan dan selepas semua keluar;
- (vi) Tidak membuat sambungan atau tambahan pendawaian elektrik sendiri tanpa kebenaran TNB;
- (vii) Pihak syarikat atau majikan akan sentiasa memantau keadaan unit ini dari semasa ke semasa;
- (viii) Tiada pembakaran terbuka dibuat;
- (ix) Memastikan keadaan unit sentiasa bersih dan tersusun supaya tidak ada halangan yang menyukarkan keadaan menyelamat sekiranya terdapat kemalangan berlaku.
- (x) Sentiasa melaporkan segera kepada pihak berkaitan sekiranya didapati berlaku kerosakan elektrik.
- (xi) Akan bertanggungjawab sepenuhnya supaya tidak berlaku Aduan Awam dan kacau ganggu sebagaimana Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 dan lain-lain undang-undang yang berkuatkuasa;
- (xii) Lain-lain :

4. Saya juga memahami, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) dan Pihak Majlis Daerah Tangkak boleh pada bila-bila masa menjalankan audit dan pemeriksaan ke atas unit ini, dan sekiranya didapati dengan jelas terdapat penyelanggaraan atau ketidak patuhan terhadap mana-mana perakuan di atas atau tidak memenuhi keperluan agensi berkuasa, maka tidakan boleh diambil di bawah perundangan semasa dan kebenaran ke atas unit ini adalah dianggap ditarik balik.

5. Kerjasama dan pertimbangan lanjut daripada pihak tuan atas perkara ini adalah diharapkan.

Sekian, terima kasih

Yang Benar

.....
(Pengarah/ Wakil Syarikat)
Tarikh :

Nota :- Perakuan ini hanya terpakai bagi tujuan penginapan pekerja sementara dalam sektor pertanian, penternakan, perladangan dan nursery .